

**NO. SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7631**

**SOALAN:**

**Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan pelaksanaan semakan rekod jenayah bagi warga asing yang ingin melawat dan bekerja di negara ini memandangkan semakin banyak kes jenayah yang dilakukan pekerja asing dan warga asing yang mengancam ketenteraman awam.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia mengambil langkah berikut sebagai mekanisme untuk mengekang kemasukan warga asing yang berisiko ke negara ini seperti:**

- a) proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan/ pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak (SL) Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing ini tidak akan dikeluarkan dengan visa untuk datang ke Malaysia;**
- b) kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara, dan penyemakan identiti dengan pangkalan data senarai syak Jabatan;**
- c) menyemak warga asing di pintu masuk negara melalui Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS) yang berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warga asing**

dengan membuat proses pengecaman terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak Jabatan. Di samping itu juga, sistem NERS dapat mengenal pasti ketulenan identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS;

- d) penggunaan *autogate* bagi kemasukan warganegara Malaysia bagi menjamin keselamatan dokumen di samping memelihara identiti warganegara melalui pengecaman cap jari biometrik. Ia seterusnya dapat membantu dan memberi peluang kepada pegawai imigresen untuk memberikan lebih perhatian kepada pemeriksaan pelawat asing berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara; dan
- e) perkongsian data bersama pihak PDRM bagi warga asing yang berisiko dalam sistem SL.